

712 pelajar pasca siswazah daftar di UMS

UB 26/09/2011 B13

KOTAKINABALU: Seramai 712 pelajar barupascasiswazah bagi sesi kemasukan semester 1 2011/2012 mendaftar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada 23-24 September.

Pendaftaran bermula pada jam 9 pagi hingga 4 petang bertempat di Auditorium Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Dari pada jumlah pelajar yang ditawarkan, 37 calon merupakan pelajar antarabangsa yang merangkumi pelajar warga Mexico, Libya, Iran, Columbia, Bangladesh, India, China, Afghanistan, Pakistan

dan Indonesia.

Pelajar Indonesia merupakan pelajar antarabangsa yang teramai dengan 14 orang calon, diikuti pelajar China seramai 11 orang, manakala selebihnya adalah pelajar dari negara lain.

Kesemua pelajar baharu pasca siswazah ini akan mengikuti program yang ditawarkan dalam Sarjana Secara Kerja Kursus (407), Sarjana Secara Penyelidikan (178), Sarjana Falsafah (6), Doktor Falsafah (96) dan Sarjana Psikologi Dalam Penyalahgunaan Dadah (25).